

PERANAN TUAN GURU ABDUL BASIT BIN MAHMUD DALAM PEMERKASAAN TRADISI KEILMUAN DAN PENGAJIAN PONDOK DI SELATAN THAILAND

THE ROLE OF TUAN GURU ABDUL BASIT BIN MAHMUD IN STRENGTHENING THE TRADITION OF ISLAMIC SCHOLARSHIP AND PONDOK EDUCATION IN SOUTHERN THAILAND

Abdulloh Salaeh¹
Amran Abdul Halim²
Adnan Mohamed Yusoff³
Nidzamuddin Zakaria⁴
Walid Mohd Said⁵
Syed Najihuddin Syed Hassan^{6*}

¹KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: abdulloh@usim.edu.my)

²KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: amranabdulhalim@usim.edu.my)

³KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: adnanyusoff@usim.edu.my)

⁴KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: nidzamuddin@usim.edu.my)

⁵KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: walid@usim.edu.my)

⁶KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

* Corresponding author: syednajihuddin@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Salaeh, A., Abdul Halim, A., Yusoff, A. M., Zakaria, N., Mohd Said, W., & Syed Hassan, S. N. (2025). Peranan Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud dalam memperkasa tradisi keilmuan dan pengajian pondok di Selatan Thailand. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 547 – 560.

Abstrak: Kajian ini meneliti peranan Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud dalam memperkasakan tradisi keilmuan dan pengajian pondok di Selatan Thailand, dengan tumpuan khusus di Daerah Yaha, wilayah Yala. Ilmu merupakan asas pembinaan tamadun serta kemajuan masyarakat, sebagaimana ditegaskan dalam pelbagai hadis Nabi SAW yang menekankan keutamaan penuntut ilmu dan kemuliaan ulama sebagai pewaris para Rasul. Sejak kedatangan Islam ke Nusantara melalui para pedagang Arab sejak berabad-abad yang lalu, institusi pondok telah memainkan peranan penting sebagai pusat penyebaran ilmu, pembentukan sahsiah dan bimbingan rohani masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini turut menekankan kepentingan memperkenalkan tokoh tersebut kepada masyarakat berdasarkan keilmuannya yang berteraskan pendidikan pondok. Dalam konteks tersebut, Tuan Guru Abdul

Basit bin Mahmud muncul sebagai salah seorang tokoh ulama tersohor yang berperanan penting dalam meneruskan kesinambungan tradisi pendidikan Islam di wilayah terbabit. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen sejarah dan pemerhatian bagi memperoleh data yang holistik berkaitan ketokohan beliau, metodologi pengajaran serta sumbangan beliau kepada komuniti setempat. Hasil kajian menunjukkan bahawa beliau memberikan impak yang signifikan dalam memperkasa ilmu agama, khususnya dalam bidang ibadat, muamalat, munakahat dan pembentukan sahsiah masyarakat. Sumbangan beliau bukan sahaja menghidupkan kembali budaya keilmuan tradisi pondok, malah turut menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti Islam di wilayah Yala secara berterusan.

Kata Kunci: Tuan Guru Abdul Basit Mahmud, tradisi keilmuan, budaya ilmu; masyarakat Yala, Selatan Thailand

Abstract: *This study examines the role of Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud in strengthening the tradition of knowledge and pondok education in Southern Thailand, with particular focus on the Yaha District, Yala Province. Knowledge is the fundamental basis for the development of civilization and the advancement of society, as emphasized in various hadiths of the Prophet SAW which highlight the priority accorded to seekers of knowledge and the dignity of scholars as the heirs of the Messengers. Since the arrival of Islam in the Malay Archipelago through Arab traders centuries ago, the pondok institution has played a central role as a center for the dissemination of knowledge, character formation, and spiritual guidance within the community. In this respect, the present study underscores the importance of introducing this figure to the wider community based on his scholarly authority grounded in the pondok educational tradition. Within this context, Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud emerges as one of the prominent scholars who contributed significantly to sustaining the continuity of Islamic education in the region. This study employs interview methods, historical document analysis, and observation to obtain holistic data concerning his personality, teaching methodology, and contributions to the local community. The findings reveal that he has made a substantial impact in empowering religious knowledge, particularly in the areas of worship ('ibādah), commercial transactions (mu'āmalāt), marriage law (munākahāt), and community character development. His contributions not only revitalized the traditional pondok scholarly culture but also supported the ongoing development and well-being of the Muslim community in the Yala region*

Keywords: Tuan Guru Abdul Basit Mahmud, scholarly tradition, culture of knowledge; Yala community, Southern Thailand.

Pendahuluan

Agama adalah asas bagi kehidupan setiap manusia dan setiap bangsa pasti ada agamanya. Untuk menjadi sebagai lembaga hidup di atas muka bumi ini adalah agama Islam. Maka Islam adalah agama yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala kepada para nabi, para rasul dan umatnya. Firman Allah dalam kitab suci-Nya:

(إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ... ١٩)

Maksudnya:

Sesungguhnya agama di sisi Allah Ta'ala adalah Islam.

(Al-'Imran 19)

Jalan kita untuk memahami agama memerlukan kepada para ulama yang menerangkan dan mengajarkan kepada orang awam khususnya, kerana ulama adalah pewaris para rasul dan nabi. Menurut Abu Bakr al-Jazairi (2002), agama ditakrifkan sebagai suatu bentuk ketaatan dan ketundukan, zahir dan batin, terhadap ketetapan, kewajipan dan peraturan yang mesti dipatuhi; sesiapa yang tidak tunduk kepada ketetapan tersebut dianggap tidak memiliki agama yang sempurna. Sementara itu, Islam menurut pandangan Wahbah bin Mustafa al-Zuhayli (1418H) merujuk kepada ketundukan sepenuhnya terhadap perintah Allah SWT dan segala ajaran yang dibawa oleh Rasul-Nya, ketaatan terhadapnya, serta pengamalan syariat yang diperintahkan.

Dalam Tafsir Ibn Kathir (1994M) turut dinyatakan bahawa Allah SWT tidak menerima agama daripada sesiapa pun melainkan agama Islam. Hal ini selaras dengan pandangan al-Baydawi (t.t.) yang menegaskan bahawa tiada agama yang diredai oleh Allah SWT selain Islam, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Ma'idah Ayat 3:

Selain itu, Imam al-Razi (t.t.) menjelaskan bahawa tujuan utama agama ialah menunaikan kewajipan ketuhanan. Justeru, seseorang yang menyerahkan dirinya kepada Allah SWT tidak akan menyembah selain-Nya, tidak mengharapkan kebaikan kecuali daripada-Nya, tidak merasa takut melainkan kepada kekuasaan-Nya, dan tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Firman Allah SWT

{وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ٨٥}

Maksudnya:

Dan sesiapa yang mencari agama selain dari agama Islam, maka ia tidak akan diterima daripadanya, dan pada hari akhirat kelak termasuklah dalam orang-orang yang rugi.

(Surah Al-'Imran, ayat 85)

Menurut Ibn 'Adil (1998), "Sekiranya terdapat iman selain Islam, maka iman tersebut tidak akan diterima oleh Tuhan Yang Maha Esa." Selanjutnya, Muhammad Sayyid Tantawi (t.t.) menjelaskan bahawa "Sesiapa yang mencari agama selain agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, maka agama tersebut tidak akan diterima daripadanya kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam yang disampaikan oleh baginda."

Apabila diteliti, perkataan *fa lan* didapati sebagai satu bentuk penegasan terhadap faktor penyebab apabila digunakan bersama *fi'il mudāri'*. Gabungan ini berfungsi memberikan makna penafian yang bersifat menyeluruh. Dalam konteks ini, penafian tersebut merangkumi masa kini dan masa akan datang. Hal ini menjelaskan bahawa segala amalan yang dilakukan tidak akan diterima pada Hari Akhirat kecuali setelah memenuhi tiga syarat utama, iaitu:

1. Islam
2. Iman
3. Ihsan

Menurut pandangan para ulama, ihsan merupakan syarat bagi menyempurnakan Islam dan iman. Dengan kata lain, ihsan berperanan memperindah serta melengkapkan kedua-dua aspek tersebut. Firman Allah SWT:

﴿... وَالرَّسُخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ...﴾ (٧)

Maksudnya:

Dan orang-orang yang mendalami ilmunya berkata "kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyabihat, semua itu dari sisi Tuhan kami."

(Surah Al-'Imran, ayat 7)

Datang hadis daripada Nabi SAW tentang ulama adalah pewaris ilmu dengan sabdanya:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ
أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ

Ertinya: Sesungguhnya ulama adalah pewaris para-para rasul dan nabi, sesungguhnya para nabi tidak mewarisi dinar dan dirham, sesungguhnya mereka mewarisi ilmu. Siapa mengambil warisan tersebut, maka ia telah mengambil bahagian yang baik.

(Riwayat Al-Tirmidhi, nombor 2681).

Hadis di atas menunjukkan bahawa para ulama mengambil tanggungjawab yang besar iaitu meneruskan kerja-kerja para rasul dan nabi untuk memberikan penjelasan kepada umat atau masyarakat awam, oleh kerana itu, adalah haram bagi para alim ulama.

Allah SWT telah mengangkat darjat bagi mereka yang menuntut ilmu agama. Maka ulama tersebut setinggi-tinggi darjatnya di sisi Allah SWT sebagaimana firmanNya:

﴿... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ...﴾ (١)

Maksudnya: Allah SWT akan mengangkat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat.

(Surah Al-Mujadila, ayat 11).

Dan firman-Nya:

﴿وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ۝١١٤﴾

Maksudnya: "Dan katakanlah (wahai Muhammad) Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan."

(Surah Taha: ayat 114)

Nabi SAW mengatakan supaya menjadi orang alim dan sabdanya:

"اغْدُ عَالِمًا أَوْ مَتَعْلَمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مُحِبًّا وَلَا تَكُنِ الْخَامِسَةَ فَتَهْلِكْ "

Maksudnya: "Jadilah kamu seorang alim (berilmu), atau penuntut ilmu, atau pendengar (yang mengambil manfaat daripada ilmu), atau pencinta ilmu. Dan janganlah kamu menjadi golongan yang kelima, maka kamu akan binasa."

(HR al-Bazzar, 1/283)

Pada abad-abad awal perkembangan Islam di Alam Melayu, penyebaran agama berlangsung melalui para pedagang serta melalui proses pendidikan yang dijalankan di surau dan masjid dalam kalangan masyarakat setempat. Perkembangan pendidikan ini semakin maju sehingga mendorong sebahagian ulama pada ketika itu membina pusat pembelajaran khusus yang dikenali sebagai pondok, iaitu tempat tinggal dan pusat pengajian bagi para penuntut ilmu. Tradisi ini terus kekal sehingga hari ini, seperti yang dapat dilihat pada pondok-pondok terkenal di Yaha, Yala, termasuk Pondok Dala, Pondok Sepanjang dan Pondok Katong.

Sistem pondok ini berperanan sebagai pusat pengajian kitab-kitab turath yang menjadi tunjang kepada pendidikan Islam tradisional di Pattani. Menurut Nik Abdul Rakib bin Nik Hassan (2023), “bumi Patani telah melahirkan ratusan ulama terkenal di Alam Melayu”, antaranya ialah Syeikh Daud Abdullah al-Fatani, Syeikh Ahmad Mohd Zin al-Fatani dan ramai lagi tokoh ilmuwan tersohor. Dalam rangka kesinambungan tradisi keilmuan tersebut, Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud turut termasuk dalam kalangan ulama kontemporari yang memainkan peranan penting sebagai tenaga penggerak dalam penyebaran ilmu kepada masyarakat setempat serta di peringkat serantau.

Adapun lafaz “فندق” (funduq) terdiri daripada huruf fa’ (فاء), nun (نون), dal (دال) dan qaf (قاف). Menurut penjelasan Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud (2022) dalam Majlis Peringatan Haul Tuan Guru Haji Abdulrahman (Tok Dala), setiap huruf tersebut membawa makna simbolik yang tersirat. Huruf fa’ (فاء) ditafsirkan sebagai merujuk kepada al-faqr (الفقر), yakni sifat kehambaan dan kebergantungan kepada Allah. Huruf nun (نون) pula memberi makna al-niyyah al-khālisah (النية الخالصة), iaitu niat yang tulus dan ikhlas. Seterusnya, huruf dal (دال) dikaitkan dengan al-dalālah ‘alā quwwat al-‘azm wa al-juhd (الدلالة على قوة العزم والجهد), yang menunjukkan kekuatan azam serta kesungguhan dalam usaha. Akhir sekali, huruf qaf (قاف) membawa makna al-qanā‘ah (القناعة), iaitu sifat berasa cukup dan memadai dengan apa yang dikurniakan.



Latar Belakang Tokoh Dan Nasabnya

Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud (အဘူလ်ဗဒိတ် မီးမီး) dilahirkan di Kampung Teluk Mek Na, Yala, pada tanggal 8 Mithunayon 2504 tahun Buddha, bersamaan dengan 8 Jun 1961 Masihi.

Ayahnya Mahmud berkahwin dengan seorang wanita yang bernama Fatimah binti Abdul Latif. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka dikurniakan 6 orang anak iaitu:

1. Samirah binti Mahmud. Beliau melahirkan beberapa orang anak melalui beberapa kali perkahwinan.
 - a. Perkahwinan pertama dengan Asha'ari, yang berasal dari Kampung Fauh Gajah. Beliau dikurniakan seorang anak iaitu Ahmad bin Asha'ari.
 - b. Perkahwinan kedua dengan Abdul Samad yang berasal dari Bukit Tahan. Beliau dikurniakan dua orang anak iaitu Halimah binti Abdul Samad dan Ani binti Abdul Samad.
 - i. Halimah berkahwin dengan Ahmad yang berasal dari Kampung Guo Bata dan kemudian dikurniakan empat orang anak iaitu Abdullah, Thuwaibah, Hawa dan Fatimah.
 - ii. Ani berkahwin dengan Ruyedi dari Kampung Jerak, Pattani dan dikurniakan 6 anak iaitu Taufiq, Safiyyah, Salihah, Sharifah, Sukainah dan Syahrul.
 - c. Perkahwinan ketiga dengan awang Musid yang berasal dari Kampung Menglih, Resak, Jabat. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan seorang anak lelaki iaitu Abdullah bin Musid,
 - d. Perkahwinan keempat dengan Alimin yang berasal dari Indonesia, semasa berada di Mekah. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan tiga orang anak iaitu: Sa'idah, Nur Salamah dan Syukri.
 - e. Perkahwinan kelima dengan Saleh Al-Hubaysh, seorang lelaki Arab Saudi yang berasal dari al-Qasim, utara Saudi. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan seorang anak perempuan iaitu Mariam yang kemudiannya berkahwin dengan Anwar dari Kampung Mangguh Mayo.
2. Khairuddin bin Mahmud. Imam Masjid Teluk Mek Na, berkahwin dengan Tuan Zainab binti Tuan Al-Marhum Abdul Qadir. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka dikurniakan 6 orang anak iaitu: Hamdiah Al-Asmoti, Khairul Hafizin, Zuraihan, Imran dan Ruwaida. (Khairuddin bin Mahmud, 2024).
3. Abdul Basit bin Mahmud. (Tuan Guru Sendiri).
4. Muhammad Syukri bin Mahmud meninggal dunia pada umur setahun.
5. Ismail bin Mahmud. Berkahwin dengan Khadijah binti ismail bin idris di Kampung bukit tanah (terkenal dengan nama Rushdi).
6. Abdul Razak bin Mahmud berkahwin dengan Saudah binti Ahmad, hasil daripada perkahwinan ini, mereka dikurniakan 3 orang anak iaitu: Mariam binti Abdul Razak, Khazinah binti Abdul Razak dan Mishkat binti Abdul Razak. (Abdul Razak bin Mahmud, 2023)



Gambar 1:
Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud

Adik-beradik adalah seperti berikut:-

1. Mahmud
2. Cik lima
3. Hasan baqa Cik ma' ia merupakan sebapa suhaja dengn Haji Mahmud
4. Aminah

Keluarga dan Keturunannya:

Nama penuh beliau ialah Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud, seorang ulama yang lahir di Kampung Teluk Mek Na, dalam sebuah keluarga yang berakar umbi daripada keturunan Arab Yaman, wilayah Hadramaut yang tersohor dengan warisan keilmuan dan ketakwaan.

Beliau dikahwinkan dengan Madihah anak perempuan kepada Tuan Guru Haji Muhammad Ramli Katoong – lebih dikenali sebagai Jaha – iaitu seorang puteri kepada seorang tokoh agama yang disegani. Ikatan pernikahan itu dimeterai ketika beliau berusia 27 tahun, dalam suasana penuh keberkatan dan restu keluarga. Daripada perkahwinan yang diberkati itu, beliau telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata – seorang perempuan dan enam orang lelaki yang menjadi penyambung warisan keturunan dan harapan perjuangan ilmu serta amal. Mereka ialah:

1. Muhamad Hafifuddin bin Abdul Basit.
2. Abdulrahman bin Abdul Basit.
3. Nur 'Aasyiah bin Abdul Basit.
4. Muhammad Ramli bin Abdul Basit.
5. Yusri bin Abdul Basit.
6. Al-Mawardi bin Abdul Basit.
7. Fakhr al-Razi bin Abdul Basit (temubual melalui telefon dengan Ustaz Ahmad bin Abdullah, 2023).

Pendidikan

Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Simpai, kelas empat, di Kampung Teluk Mek Na. Beliau juga menerima pendidikan asas al-Quran daripada bapanya sendiri. Sebelum melanjutkan pengajian di pondok, beliau pernah belajar bersama Tuan Guru Nik Haji Yusof bin Haji Ahmad — iaitu datuk saudara beliau sendiri — di Kampung Jarak Banir, tempat di mana beliau turut membuka sebuah pondok.

Kemudian, beliau meneruskan pengajian di Pondok Kampung Dala bersama Tuan Guru Abdul Rahman selama dua tahun. Selepas itu, Tuan Guru Abdul Rahman telah meninggal dunia. Diceritakan bahawa beliau dihantar oleh bapanya untuk belajar di pondok itu pada hari Sabtu, namun bapanya belum menyerahkan beliau kepada Tuan Guru lagi kerana masih hari cuti. Pada keesokan harinya, bapanya baru menyerahkan beliau secara rasmi kepada Tuan Guru Haji Abdul Rahman. Ketika memulakan pengajian di pondok tersebut, beliau ditemani oleh abangnya, Khairuddin, sekitar tahun 1966 hingga 1968.

Selain belajar di bawah bimbingan Tuan Guru Abdul Rahman, beliau juga turut berguru dengan Tuan Guru Haji Hussein Kelubi, Abang Karim, serta bapa mertuanya sendiri, Tuan Guru Haji Ramli Katoong. Beliau tinggal dan belajar di pondok selama 14 tahun 7 bulan. Ketika cuti pondok, beliau tidak pulang ke rumah, sebaliknya terus menuntut ilmu secara khusus. Antara guru yang beliau ikuti secara khusus ialah Tuan Guru Haji Hussein, Khalifah Habibullah (menantu Tuan Guru Ramli Katoong), Abang Sin Langgar, dan Pakngah dir Tok Bandar di Kampung Bandar. Antara kitab yang dipelajari ialah Tafsir al-Jalalayn, al-Bājūrī, Ibn Qāsim, dan bersama Haji Ibrahim, beliau mempelajari Tārīkh al-Tashrī'. Beliau banyak mengkhatamkan kitab-kitab dengan Tuan Guru Haji Hussein.

Pada setiap hari Selasa, beliau mengikuti pengajian bersama Tuan Guru Ayah Dir Sekam, yang mengajar kebanyakan kitab dalam bidang Usuluddin. Beliau juga melanjutkan pengajian bersama ayah wi di Langgar dengan mempelajari kitab ad-Dasuqī, yang diwarisi daripada gurunya, Tok Semela.

Pada suatu ketika dalam bulan Rabiulawal, beliau mengikuti pengajian bersama Tuan Guru Abdullah Sarah, melibatkan kitab-kitab seperti Sharḥ al-Waraqāt, Mukhtaṣar al-Shāfi 'Ilm al-'Arūd, Raf' al-Astār, dan Muṣṭalah al-Ḥadīth. Bersama Tuan Guru Ahmad Mukmawi, beliau mempelajari kitab al-Ashbāh wa al-Nazā'ir. Bersama Tuan Guru Abdul Qadir Bendang Ramah, beliau belajar Sharḥ Talkhīs, Matn al-Binā, dan Ḥusn al-Ṣiyāghah.

Kitab Kifāyah al-Akhyār pula dipelajari bersama dua orang guru — Juzuk Pertama bersama Baba Mahmud Kampung Panarik, dan Juzuk Kedua bersama Tuan Guru Haji Usman Kampung Paku, yang mengajarkan bab al-Buyū'. Menurut Tuan Guru Abdul Basit, Tuan Guru Haji Usman dari Kampung Paku adalah seorang faqih dalam bidang fiqh.

Selain itu, beliau juga mempelajari kitab-kitab seperti Minhāj al-Qawīm, Bunyat al-Asmā', Munyatul Muṣallī, Farīdah, Madārij al-Su'ūd Sharḥ al-Barzanjī, dan pada hari Jumaat beliau mengikuti pengajian Sharḥ Mukhtaṣar bersama Haji Abdul Latif dari Kampung Leweh, iaitu bapa mentua kepada Tuan Guru Haji Hussein Dala. Haji Abdul Latif juga merupakan anak kepada Tuan Guru Hussein Rakak. Kitab Matn al-Ghāzī dan al-Kilānī pula dipelajari bersama Tuan Guru Zaki. Namun, beliau tidak sempat membuka pondok sendiri.

Guru Dan Muridnya:

Berikut merupakan senarai tokoh-tokoh ilmuwan yang pernah menjadi guru kepada Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud:

1. Tuan Guru Abdul Rahman Tok Dala.
2. Tuan Guru Hussein bin Ahmad Klubi menantu Tok Dala.
3. Tuan Guru Haji Ramli Katoong.
4. Tuan Guru Haji Yusof Kampung Jarak Banir.
5. Khalimat Habibullah

6. Abang Sin Langgar
 7. Pakngah Dir Kampung Bandar
 8. Haji Ibrahim
 9. Abdul Qadir Pondok Sekam Sela Budi
 10. Ayah Wi Langgar
 11. Mahmud Panariq
 12. Abdul Qadir Bendang Ramah.
 13. Abdul Rahman Paku
 14. Abdul Latif Kampung Leweh
 15. Abdullah Sarah Pondok Bendang Badam
- Dan lain-lain yang tidak disebutkan namanya secara terperinci. (Temubual bersama Tuan Guru Abdul Basit, 2023).

Rakan-rakannya dalam kalangan ilmuwan sezaman dengannya adalah seperti berikut.

1. Tuan Guru Abdul Aziz bin Yusof Pondok Padang Pusu.
2. Tuan Guru Ismail membuka pondok di Nawi.
3. Tuan Guru Abdul Wahab Bendang Setar.
4. Tuan Guru Mukhtar Paya.
5. Tuan Guru Pakda Kampung Bukit Palas.
6. Tuan Guru al-Bukhari Pondok Cabang Empat - Patani.
7. Tuan Guru Ismail Kerasak.
8. Tuan Guru Ahmad Patani.

Dan beberapa orang lagi yang tidak disebutkan di sini.

Sumbangan Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud dalam bidang pendidikan amat signifikan, khususnya dalam melahirkan generasi murid yang cemerlang. Sebahagian daripada mereka bukan sahaja muncul sebagai tokoh ilmuwan tersohor, bahkan ada juga yang memainkan peranan penting sebagai pemimpin masyarakat setempat antaranya termasuk:

1. Nawawi bin Ismail bin Ahmad Na' Khamis dari Tungalayin (ทุ่งยางแดง), beliau adalah adik Ipa kepada kepada Tuan Guru Abdul Basit.
2. Suhaili bin Hasan dari Kampung Cukkeladi.
3. Abdullah bin Ismail dari Kampung Petai, daerah Yaha.
4. Abdul Rahman, anak beliau sendiri.
5. Rusdi bin Ahmad dari Kampung Cukkeladi.
6. Muhamad Zaki bin Abdulgani dari Kampung Bendang Jung.
7. Ahmad Suhaimi bin Abdulrahman dari Kampung Cukkeladi.
8. Harun dari negara Kemboja.
9. Binyamin bin Abdulrahman dari Kampung Carak Piya.
10. Bahari dari Kampung Sungai Jernih.
11. Yusuf dari Bangul.
12. Ubaidillah Kamnan Daerah Jaha.
13. Ibrahim bin Ishak, Ketua Bandar Pentadbiran, mukim Tengkir, Daerah Sebayay.

Dan beberapa lagi yang ramai tetapi tidak dapat disebutkan kerana maklumat kurang tepat.

Kegiatan Dakwahnya:

Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud merupakan seorang tokoh ulama yang berpengaruh, dihormati, dan amat disenangi oleh masyarakat di Wilayah Yala. Penglibatan beliau dalam bidang keilmuan Islam bermula sejak usia yang amat muda, apabila beliau menerima pendidikan asas di peringkat tadika dan seterusnya melanjutkan pengajiannya di pondok. Pendidikan awal ini telah membentuk asas yang kukuh dalam pembinaan jatidiri kepimpinan, integriti keilmuan, serta orientasi pemikiran keagamaan beliau, pandai berpidato, yang kemudiannya berkembang secara dinamik selaras dengan keperluan masyarakat dan tuntutan zaman.

Pada masa kini, beliau berkhidmat secara rasmi sebagai Qadi Syar'i di bawah naungan Majlis Agama Islam Wilayah Yala. Dalam kapasiti tersebut, beliau memainkan peranan penting dalam urusan pentadbiran dan penguatkuasaan hukum-hakam syariah di peringkat tempatan. Antara usaha dakwah yang konsisten dilaksanakan oleh beliau ialah program pengajaran mingguan yang berlangsung pada setiap hari Selasa di Masjid Majlis Yala. Sesi ini melibatkan penyertaan para imam, khatib, dan bilal daripada dua belas buah masjid dalam kawasan kampung yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Wilayah Yala. Program tersebut dirancang secara sistematik dan berterusan dengan objektif utama untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap ajaran Islam yang sebenar.

Menariknya, sesi pengajaran ini turut dirakam secara audio atau visual untuk tujuan dokumentasi dan penyebaran ilmu kepada khalayak yang tidak berkesempatan hadir secara fizikal. Hal ini sekali gus mencerminkan kesungguhan beliau dalam memanfaatkan teknologi bagi memperluas capaian dakwah. Secara keseluruhan, kegiatan dakwah Tuan Guru Abdul Basit merangkumi bukan sahaja aspek pengajian tradisional, malah melibatkan bimbingan kerohanian dan pembangunan kepimpinan umat Islam setempat. Keilmuan, kewibawaan serta keterlibatan aktif beliau dalam pelbagai lapangan menjadikan beliau sebagai figura penting dan sumber rujukan utama dalam hal ehwal keagamaan dan syariah di wilayah tersebut.



Gambar 2: Tuan Guru Abdul Basit adalah sebagai Juru Majlis Negeri Jala (Qadi Syari').

Kitab Yang Diajarkan Oleh Beliau

Antara kitab-kitab turāth yang diajarkan oleh beliau, Pengajian kitab-kitab turāth yang disampaikan oleh beliau dilaksanakan secara berjadual sepanjang hari, meliputi pelbagai disiplin ilmu Islam. Jadual pengajian harian beliau adalah seperti berikut:

Jam 8.00 pagi:

1. Syamā'il al-Muḥammadiyyah – sebuah karya klasik yang menghimpunkan gambaran tentang peribadi dan akhlak Rasulullah SAW.
2. Kifāyah al-Muḥtadī – kitab dalam bidang akidah dan ibadah yang menjadi rujukan utama di institusi pondok.

Waktu Zuhur:

3. Washḥ al-Afrāḥ – sebuah karya dalam bidang tasawuf yang membimbing aspek kerohanian dan pembersihan jiwa.

Waktu Asar:

4. Riyāḍ al-Ṣāliḥīn – koleksi hadis sahih berkaitan akhlak, ibadah dan keutamaan amal soleh, disusun oleh Imam al-Nawawi.

Waktu Maghrib:

5. Faṭḥ al-Mujīb – kitab fiqh dalam mazhab Shāfi'ī.
6. Al-Fawā'id – koleksi pengajaran dan nasihat berbentuk faedah ringkas yang dipetik daripada pelbagai kitab klasik.

Waktu Isyak:

7. Tafṣīr al-Jalālayn – tafsir al-Qur'an karya Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
8. Manhaj al-'Ābidīn – karya Imam al-Ghazālī berkaitan dengan jalan dan martabat ahli ibadah.
9. Kifāyah al-'Awām – kitab akidah yang ringkas dan sesuai untuk pengajaran asas dalam kalangan masyarakat awam.

Selain itu, pada setiap hari Selasa, beliau turut melaksanakan tugas rasmi sebagai pengajar tetap di Majlis Agama Islam Yala, dengan dua sesi pengajian utama:

Jam 9.30 pagi:

Kitab Minhaj al-'Ābidīn

Jam 11.30 pagi:

Īdāḥ al-Bāb – sebuah karya berbentuk syarahan atau komentar ringkas bagi memperjelas beberapa persoalan fiqh atau akidah.

(Temubual bersama Tuan Guru Abdul Basit pada 29/8/2023 waktu Asar).



Gambar 3: Tuan Guru Abdul Basit ketika mengajar kitab Mingguan Hari Selasa di Masjid Majlis Wilayah Yala

Karya Penulisan Beliau

Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud telah mengarang kitab yang bertajuk: Senjata Pelajar Risalah ini merupakan sebuah panduan amalan harian yang menghimpunkan wirid-wirid terpilih, doa-doa, serta amalan kerohanian yang sesuai diamalkan oleh para pelajar. Ia bertujuan membentuk disiplin rohani, memperkukuh hubungan dengan Allah SWT, dan memelihara kelestarian nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian pelajar.

Keistimewaan Dan Keperibadian Tuan Guru

Tuan Guru Haji Abdul Basit bin Haji Mahmud dikenali sebagai seorang ulama yang memiliki sifat wara', mendalam ilmu dalam bidang fikah (faqih), serta berpegang teguh kepada ajaran tasawuf. Keperibadian beliau yang tawaduk dan penuh kasih sayang menjadikan beliau sebagai tempat rujukan utama masyarakat dalam pelbagai lapisan kehidupan.

Beliau tidak hanya menyampaikan ilmu kepada pelajar biasa, malah turut memberi perhatian khusus kepada golongan yang sedang menghadapi ujian hidup seperti mereka yang sedang sakit, individu yang datang membawa pelbagai permasalahan peribadi, serta mereka yang mengalami gangguan kerohanian atau dikaitkan dengan pengaruh syaitan. Dalam setiap sesi pertemuan, beliau sentiasa mengutamakan pendekatan lemah lembut dan penuh hikmah, bersesuaian dengan maqam sebagai seorang mursyid rohani yang dihormati.

Kesimpulan

Berdasarkan penulisan dan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa ulama merupakan tonggak utama dalam kesinambungan penyampaian ilmu dan bimbingan kepada umat manusia. Mereka bukan sahaja mewarisi tugas para nabi dalam menyampaikan risalah, bahkan memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan dalam pelbagai aspek kehidupan, merangkumi urusan duniawi dan ukhrawi. Justeru, kedudukan ulama dalam tradisi intelektual Islam adalah tinggi dan harus dihormati, didekati serta dihargai agar masyarakat terus memperoleh manfaat daripada keilmuan, kebijaksanaan dan akhlak mereka.

Dalam konteks ini, Tuan Guru Abdul Basit bin Mahmud muncul sebagai salah seorang tokoh ulama berpengaruh di Selatan Thailand, khususnya di Kampung Katoong. Walaupun beliau belum banyak didokumentasikan dalam penulisan akademik, kajian ini diharap menjadi usaha awal memperkenalkan sumbangan beliau secara ilmiah. Beliau bukan sahaja memegang jawatan penting sebagai Ketua di Majlis Agama Negeri Jala, bahkan turut berperanan aktif sebagai tenaga pengajar dalam sesi pengajian rasmi anjuran majlis tersebut yang dihadiri oleh para imam dan asatizah.

Sumbangan beliau amat signifikan dalam memperkasa tradisi keilmuan dan pengajian pondok, khususnya melalui pengajaran dalam bidang ibadat, muamalat, munakahat serta pembangunan sahsiah masyarakat. Usaha berterusan beliau telah menyumbang kepada kelangsungan budaya keilmuan tradisional, di samping melahirkan generasi pelapis yang berkemampuan untuk memimpin, mendidik dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Sehubungan itu, disarankan agar masyarakat umum terus mendekati para ulama dan menghadiri majlis-majlis ilmu bagi memastikan hubungan dengan sumber ilmu yang sahih dan berautoriti dapat diperkukuh. Dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan, masyarakat tidak wajar berputus asa, sebaliknya perlu merujuk pihak yang berkelayakan bagi memperoleh panduan dan penyelesaian yang tepat. Langkah ini bukan sahaja dapat membantu mengurus kehidupan dengan lebih baik, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan harmoni.

Senarai Rujukan

- Abdul Basit bin Mahmud. 29 Ogos 2023. Pendidikan dan pengajian yang dilalui oleh beliau. Temubual. Pondok Kampung Catoq.
- Abdul Razak bin Mahmud. 29 Ogos 2023. Nasab dan pilihan angkat lelaki dan perempuan. Temubual. Pondok Kampung Catoq.
- Abu Al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir Al-Qurashi Ad-Dimashqi, Tafsir Al-Quran Al-Azim, Pentahqiq: Mahmud Hasan, Dar Al-Fikr.
- Abu Hafs Umar bin Ali Ibn Adil ad-Dimashqi al-Hanbali, 1419h. Al-Lubab fi Ulum al-Kitab, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan
- Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa at-Tirmidhi. 1998, Sunan at-Tirmidhi, Dar al-Gharb al-Islami – Beirut.
- Ahmad bin Abdullah. 29 Ogos 2023. Keturunan sebelah isteri Tuan Guru Abdul Basit. Temubual melalui telefon.
- Ahmad bin al-Husayn bin Ali bin Musa al-Khusrawjardi al-Khurasani, Abu Bakr al-Bayhaqi, 2003. Shu'ab al-Iman, Maktabah al-Rushd lil-Nashr wa al-Tawzi' di Riyadh bekerja sama dengan Dar al-Salafiyyah di Bombay, India.
- Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi bin 'Ajibah al-Hasani al-Idrisi al-Shadhili al-Fasi Abu al-'Abbas (2002) al-Bahr al-Madid, Dar al-Nashr: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah – Bayrut
- Al-Baydawi (T.T) Tafsir Al-Baydawi, Dar Al-Fikr – Beirut.
- Ismail bin Mahmud. 13 April 2024. Biografi Tuan Guru Abdul Basit Mahmud dan keluarganya. Temubual. Kampung Teluk Mek Na.
- Khairuddin bin Mahmud, 13 April 2024. Kisah hidup Tuan Guru Abdul Basit Mahmud dan keluarganya. Temubual. Kampung Teluk Mek Na.
- Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughira al-Bukhari, Abu Abdullah. 1987. Al-Jami' al-Sahih, Dar al-Sha'b – Cairo.
- Muhammad bin Umar bin Al-Husayn Al-Razi, T.T, Mafatih al-Ghayb, Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Muhammad Sayyid Tantawi, T.T, Al-Tafsir al-Wasith.
- Nawawi bin Ismail bin Ahmad. 29 Ogos 2023. Pengalaman keilmuan Tuan Guru Abdul Basit dari aspek guru, murid, apa yang dipelajari dan apa yang diajarkan. Temubual. Pondok Kampung Catoq.
- Nik Abdul Rakib Bin Nik Hassan, <https://nikrakib.blogspot.com/2023> Selasa, 11 April 2023
- Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani. 1985. Al-Mu'jam al-Saghir li al-Tabarani Al-Maktabah al-Islamiyyah, Dar 'Amar - Beirut, Amman.
- Tuan Guru Abdul Basit Bin Mahmud 2022. Nasihat Kepada Pelajar, di pondok dala Patani, <https://www.youtube.com/watch?v=4ZfQt3yH5r4>.
- Wahbah bin Mustafa Al-Zuhayli (1418H) Al-Tafsir Al-Munir fi Al-Aqidah wa Al-Shariah wa Al-Manhaj, Dar Al-Fikr Al-Mu'asir – Damsyik